

30 MAY 2000

Mahathir-Sensitif/I

PENDUDUK ASIA TERSINGGUNG KERANA SIKAP EROPAH, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, Eropah perlu lebih terbuka dan sensitif terhadap Asia jika mahu wujudkan usahasama perniagaan yang berkesan.

"Jangan terbitkan kenyataan-kenyataan tidak menyenangkan mengenai kami. Ia menyinggung kami dan anda sebagai orang Eropah sepatutnya memahami lebih baik perkara ini kerana anda telah berada di sini, lebih lama daripada yang lain," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian sebagai respon kepada soalan daripada seorang peserta yang ingin tahu bagaimana kerajaan Eropah boleh memperbaiki hubungan Eropah-Asia, di sesi soal jawab Persidangan Perniagaan Eropah-Asia, di sini.

Penduduk Asia, khususnya di Malaysia tersinggung kerana sifat kurang sensitif Eropah yang menyebabkan mereka mempunyai gambaran salah terhadap Asia, katanya.

Dengan menyatakan harapan yang Eropah boleh memperbetulkan gambaran negatif itu, Dr Mahathir berkata mereka perlu faham yang setiap negara mempunyai masalah sendiri dan Malaysia tidak terkecuali.

"Sebagai contoh, menyatakan yang Malaysia ialah tempat berbahaya kerana ada orang diculik dari Pulau Sipadan oleh itu Malaysia tidak selamat 24 jam."

"Mengapa tidak stesen-stesen siaran Eropah menyatakan yang benar iaitu ini (penculikan itu) kejadian paling luar biasa," katanya.

Seramai 21 orang, termasuk sembilan rakyat Malaysia diculik dari Pulau Sipadan di perairan Sabah oleh satu kumpulan bersenjata dari selatan Filipina pada 23 April lepas. Mereka masih ditahan oleh kumpulan itu di pulau Jolo di selatan Filipina.

Dr Mahathir berkata penculikan itu tidak diatur oleh Malaysia dan ia sesuatu yang tidak dijangkakan seperti letupan bom di London oleh tentera Irish Republican.

Beliau berkata, insiden letupan bom itu memang berlaku tetapi itu tidak bermakna anda perlu memberitahu seluruh dunia dan mengeluarkan nasihat perjalanan "jangan lawat London" kerana ia tidak selamat.

Bagaimanapun beliau berkata, jika berlaku rusuhan kecil di sini, media asing akan menggembar-gemburkannya sebagai negara dalam keadaan huru hara dan keselamatan rakyat terganggu.

"Tetapi seperti yang kita sedia ketahui kita boleh pergi ke kampung dan pekan-pekan Cina tanpa perasaan takut dan tiada Tong yang datang mencederakan kita... saya kenal banyak Tong dan mereka orang baik-baik," katanya.

-- BERNAMA

ARA RN PR